Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda

# MIMBAR NAKHODA

BIL: 1/25 J. AKHIR 1435H/25 APRIL 2014 **PERCUMA UNTUK AHLI JEMAAH MASJID**

# KEUTAMAAN HARI JUMAAT

Hadhrat Abul-Laits As-Samarqandi Rahmatullah 'Alaih meriwayatkan dengan sanadnya dari Hadhrat Aus bin Aus Radhiyallahu 'Anhu berkata, Hadhrat Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda:

إِنَّ أَفْضَلَ أَيَّامِكُمْ يَوْمُ الْجُمُعَةِ فِيْهِ خُلِقَ آدَمُ وَفِيْهِ قُبِضَ وَفِيْهِ النَّفْخَةُ وَفِيْهِ الصَّعْقَةُ فَأَكْثِرُوْا فِيْهِ مِنَ الصَّلاَةِ عَلَيَّ فَإِنَّ صَلاَتَكُمْ مَعْرُوْضَةٌ عَلَيَّ. قَالُوْا: يَا رَسُوْلَ اللهِ وَكَيْفَ تُعْرَضُ عَلَيْكَ صَلاَتُنَا وَقَدْ بَلِيْتَ؟ قَالَ: أَتَقُوْلُوْنَ قَدْ بَلِيْتُ؟ إِنَّ اللهَ حَرَّمَ عَلَى الأَرْضِ أَنْ تَأْكُلَ أَجْسَادَ الأَنْبِيَاءِ عَلَيْهِمُ الصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ. (تنبيه الغافلين – باب فضيلة الجمعة)

"Sesungguhnya yang utama dari hari-harimu ini ialah hari Jumaat, di dalamnya terjadi Nabi Adam 'Alaihissalam, dan di hari itu juga Baginda wafat, dan pada hari itu akan ditiupkan Sangkakala, dan pada hari itu akan mati semua makhluk, maka perbanyakkanlah membaca Shalawat ke atasku kerana Shalawatmu itu dipersembahkan langsung kepadaku." Para Shahabat bertanya: "Ya Rasulallah, bagaimana Shalawat kami dipersembahkan langsung kepadamu padahal engkau telah rosak binasa?" Nabi Shallallahu 'Alaihi Wasallam bersabda: "Apa dapatkah kamu berkata daku akan rosak binasa? Sesungguhnya Allah telah mengharamkan ke atas bumi untuk memakan jasad Para Anbiya 'Alaihimus Shalatu Wassalam." [Tanbihul-Ghafilin]

## PENGAJARAN HADITS

Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam memuliakan hari Jumaat kerana ia adalah hari yang paling utama dalam seminggu. Penciptaan Nabi Adam 'Alaihissalam sebagai manusia yang pertama telah berlaku pada hari Jumaat dan kemusnahan alam secara keseluruhannya dengan tiupan Sangkakala juga akan berlaku pada hari Jumaat. Meskipun segala sesuatu ciptaan Allah akan rosak binasa, namun jasad-jasad dan ruh-ruh Para Anbiya 'Alaihimus Shalatu Wassalam adalah tidak akan rosak binasa kerana Allah telah mengharamkan bumi dari membinasakan jasad-jasad sekalian Para Nabi. Maka hendaklah kita memperbanyakkan berselawat ke atas Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Rasulullah Shallallahu 'Alaihi Wasallam pada hari-hari Jumaat.

## JADUAL CERAMAH MASJID JAMEK KG.NAKHODA

| HARI | MASA/TARIKH | PENGAJAR |
|---|---|---|
| JUMAAT | KULIAH MAGHRIB – 25/4/2014 | Ust. Wan Azhar Wan Ahmad |
| SABTU | KULIAH SUBUH – 26/4/2014 | Ust. Che Nor Ismail |
| SABTU | KULIAH MAGHRIB – 26/4/2014 | Ust. Ismail Abas |
| AHAD | KULIAH SUBUH – 27/4/2014 | Ust. Fazlul Rahimi Maarof |
| AHAD | KULIAH MAGHRIB – 27/4/2014 | Ust. Drs. Khoiruddin Mutain |
| ISNIN | KULIAH MAGHRIB – 28/4/2014 | Ust. Ramli Abu Bakar |
| SELASA | KULIAH MAGHRIB – 29/4/2014 | Ust. Abdul Muizz Muhammad |
| RABU | KULIAH MAGHRIB – 30/4/2014 | Ust. Umar Azihal |

## JADUAL KULIAH PENGAJIAN MASJID JAMEK KG.NAKHODA

| HARI | MASA/TARIKH | PENGAJAR |
|---|---|---|
| SELASA | SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (29/4/2014) | Ustaz Jalalluddin |
| RABU | SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (30/4/2014) | Ustaz Jalalluddin |
| KHAMIS | SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (1/5/2014) | CUTI |
| JUMAAT | SLPS ISYA 9:30PM – 11:30PM (2/5/2014) | Ustaz Jalalluddin |

# KEPERLUAN MANUSIA UNTUK BERDOA

**Terdapat pelbagai faKtor mengapa manusia harus berdoa, antaranya ialah:**

1. **Manusia diciptakan Allah dalam keadaan lemah, oleh itu manusia memerlukan bantuan dan pertolongan daripada Allah apabila ditimpa bala bencana atau musibah dan ketika berhajat kepada sesuatu.**
2. **Manusia telah diperintahkan untuk berdoa kepada Allah, hal ini merupakan peraturan Allah yang harus dipenuhi oleh setiap manusia.**
3. **Naluri jiwa manusia memerlukan tempat untuk mengadu dan memerlukan teman apabila dalam keadaan sunyi, tertekan dan sebagainya.**

**Mimbar Nakhoda** ini diterbitkan secara mingguan oleh Biro Dakwah Amar Maaruf Nahi Munkar, Masjid Jamek Kampung Nakhoda, Jalan Nakhoda Tengah, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan dengan kerjasama Naqsyabandi Akademi Quran Sunnah Hadits, Madrasah Ulul Azmi, Kg. Sepakat Wira Damai, Batu Caves. Cetakan adalah terhad, maka digalakkan untuk difotostat dan diedarkan kepada orang lain, semoga Allah memberkati dan memberikan pahala yang berterusan, Amin.

Ketua Editor: Ust. Jalalluddin Ahmad Ar-Rowi

Penolong Editor: Sdr. Muhammad Taufiq

# ‘AQIDAH AHLI SUNNAH WAL JAMAAH

Sedutan daripada petikan kitab Al-Muqaddimah Al-Kubra karangan Al-‘Allamah Al-‘Arif Billah Asy-Syaikh Isma’il Bin ‘Abdullah Al-Minangkabawi Al-Khalidi An-Naqsyabandi (w.1280H/1863M) berkenaan erti kalimah Allah:

**Soalan:** Apakah makna kalimah Allah?

**Jawaban:** Allah itu adalah nama bagi Zat yang Wajib Al-Wujud yang bershifat dengan segala shifat kesempurnaan.

**Soalan:** Adakah Allah itu nama khas bagi Allah atau nama am?

**Jawaban:** Allah itu adalah nama khas sama ada pada lafaznya mahupun pada maknanya, kerana lafaz tersebut hanya nama khusus bagi Tuhan kita yang menjadikan sekalian alam, dan haram menamakan yang lain denganNya, dan nama yang khas milik Zat yang Wajib Al-Wujud yang bershifat dengan segala shifat kesempurnaan iaitu Shifat Nafsiyyah, Salbiyyah, Ma’ani dan Ma’nawiyyah adalah nama yang menghimpunkan nama Zat dan nama segala Shifat dan segala PerbuatanNya.

TOKOH ISLAM

# JA’AFAR IBNI ABI THALIB

Hadhrat Ja’afar Ibni Abi Thalib Radhiyallahu ‘Anhu merupakan sepupu kepada Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam dan abang kepada ‘Ali Ibni Abi Thalib.

Beliau berusia 20 tahun lebih tua daripada ‘Ali dan isterinya bernama Asma Binti Amis. Beliau dikenali sebagai Abil-Masakin kerana beliau suka mendampingi golongan fakir miskin. Ja’afar gemar membantu dan berbuat baik terhadap mereka.

Beliau merupakan seorang yang begitu bersemangat dalam perjuangannya, bijaksana dan gigih. Ja’afar adalah antara orang yang terawal menerima dan memeluk Agama Islam dan beliau telah menyertai rombongan Hijrah ke Habsyah. Di sanalah beliau telah menemui Raja Najasyi bagi menyampaikan seruan Dakwah Islamiyyah daripada Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Kesan daripada dakwah yang dilakukannya telah mengakibatkan Raja Najasyi memeluk Agama Islam dan berita gembira ini telah sampai kepada Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Beliau ikut menyertai peperangan Khaibar di mana tentera Islam telah beroleh kemenangan. Kepulangan tentera Khaibar telah disambut baik oleh Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam seraya bersabda:

**“Demi Allah, daku tidak tahu yang mana satu daku gembira dengannya; pembukaan Khaibar atau kepulangan Ja’afar?”**

Beliau telah gugur syahid dalam peperangan Mu’tah bersama Zaid Ibni Haritsah dan ‘Abdullah Ibni Rawahah. Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam berasa sangat sedih atas kematiannya. Jasa-jasa beliau dalam perkembangan Islam amat banyak.

# SUNNAH HARI JUMAAT

Antara perkara-perkara Sunat yang patut dilakukan pada hari Jumaat:

1. Mandi bagi orang yang hendak pergi menunaikan Shalat Jumaat dan membersihkan badan dari segala kekotoran.
2. Memotong kuku dan rambut sekiranya panjang, mencabut bulu-bulu ketiak, menggunting misai dan mencukur bulu kemaluan.
3. Memakai bau-bauan yang wangi dan memakai pakaian yang bersih dan cantik.
4. Memperbanyakkan berselawat ke atas Hadhrat Baginda Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam.
5. Memperbanyakkan bersedekah, berbuat amalan kebaikan dan berdoa.
6. Memperbanyakkan membaca Al-Quran seperti Surah Al-Kahfi dan Surah Yasin.

**SEMBAHYANG JUMAAT** adalah kewajiban Fardhu ‘Ain ke atas setiap lelaki Muslim.

**SYARAT WAJIB JUMAAT:**

1. Islam
2. Baligh
3. Berakal
4. Merdeka
5. Lelaki
6. Sihat
7. Bermastautin

**SYARAT SAH JUMAAT:**

- Didirikan dalam bangunan masjid dan bukan di padang.
- Bilangan jemaah tidak kurang daripada 40 orang bermula dari awal khutbah sehingga selesai sembahyang Jumaat.
- Didirikan dalam waktu Zuhur.

# FADHILAT SHALAWAT

Allah Taala telah berfirman dalam Surah Al-Ahzab: 56,

إِنَّ ٱللَّهَ وَمَلَـٰٓئِكَتَهُۥ يُصَلُّونَ عَلَى ٱلنَّبِىِّ ۚ يَـٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ صَلُّوا۟ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا۟ تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

**Sesungguhnya Allah dan Para MalaikatNya bershalawat memberi segala penghormatan dan kebaikan kepada Nabi Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wasallam; Wahai orang-orang beriman, bershalawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam kesejahteraan dengan penghormatan yang sepenuhnya.**

Imam Nawawi Rahmatullah ‘Alaih di dalam kitab Al-Azkar telah menukilkan Hadits Muslim yang diriwayatkan oleh ‘Abdullah Ibni ‘Amr Ibni ‘Ash Radhiyallahu ‘Anhum bahawa dia mendengar Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda:

صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ عَشْرًا مَنْ صَلَّى عَلَيَّ صَلاَةً — رواه مسلم (الأذكار)

Ertinya: **Allah bershalawat ke atas seseorang sebanyak sepuluh kali bagi sesiapa yang bershalawat ke atasku sekali Shalawat.**